

NO. SOALAN : 99

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 17 MEI 2016

SOALAN :

YB. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-

- (a) jumlah penerbangan (*chartered flight*) yang diatuhkan oleh Kementerian ke negeri Melaka melalui Lapangan Terbang Batu Berendam di Melaka dengan memberikan butir-butir tentang penerbangan-penerbangan ini dan adakah ia membawa pelancong-pelancong atau ahli peniagaan; dan
- (b) jika masih tiada penerbangan (*chartered flight*) diatuhkan oleh Kementerian, berikan sebab-sebabnya.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa menggalakan semua pengusaha pelancongan tempatan agar berkerjasama dengan syarikat penerbangan asing dan para penggiat pelancongan dalam usaha membawa masuk penerbangan secara *chartered flight* atau sewa khas ke Malaysia termasuklah ke Lapangan Terbang Batu Berendam di Melaka atau dikenali sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, kerjasama dengan pihak China Southern Airlines dengan Kerajaan Negeri Melaka masih di peringkat perbincangan bagi membuat penerbangan sewa khas dari Guangzhou, China ke LTAM yang dijangka akan bermula pada 29 Jun 2016.

Sehingga kini, LTAM hanya menerima penerbangan berjadual daripada Malindo Air dan Express Air. Malindo Air melaksanakan penerbangan berjadual antara Melaka dan Pulau Pinang serta Pekanbaru, Indonesia pada setiap hari Isnin, Rabu, Jumaat dan Ahad. Selain itu, terdapat penerbangan berjadual Express Air antara Melaka dan Pekanbaru, Indonesia pada setiap hari Selasa, Khamis, Jumaat dan Ahad.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Melaka melalui Bahagian Promosi Pelancongan, Jabatan Ketua Menteri Melaka telah mengadakan pertemuan dan perbincangan bersama-sama dengan syarikat penerbangan dari dalam dan luar negara bagi melaksanakan operasi penerbangan secara berjadual atau sewa khas di LTAM. Di antara syarikat penerbangan tersebut adalah seperti Malaysia Airlines, Air Asia, Firefly, Trigana Air Services, PT Sky Aviation, Lion Air, Sriwijaya Air, Mandala Air, Happy Air, PT Saratoga Investama Sedaya TBK, Wings Air, Ankeyunda Air Agent Services Co. Ltd dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan terus meneroka potensi berkerjasama dengan semua pihak berkaitan dalam segmen sewa khas ke Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka agar Melaka terus berdaya saing dan kekal menjadi destinasi pelancongan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN : 100

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan program-program yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian terutamanya program bersama peminat-peminat sukan bermotor di negara kita agar dapat menghindarkan daripada berlakunya pelanggaran undang-undang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2013, Kerajaan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah melancarkan Skuad Muda 1JPJ yang merupakan satu inisiatif menggunakan pendekatan *soft approach* untuk mendekati penunggang-penunggang motosikal melalui penglibatan mereka sebagai ahli Skuad Muda 1JPJ. Pendekatan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung isu-isu yang melibatkan keselamatan jalan raya serta melahirkan semangat patriotisme, semangat kesukarelaan dan semangat perpaduan dalam kalangan ahli-ahli.

Dalam usaha mendekati peminat-peminat sukan bermotor, JPJ dengan kerjasama Skuad Muda 1JPJ telah menganjurkan Program *Fiesta Bikers* 2015 pada 1 November 2015 yang lalu. Program ini telah berjaya menarik penyertaan seramai lebih 5,000 penunggang motosikal berkuasa besar dan rendah dalam program yang dianjurkan ini. Melalui program ini jua, peminat-peminat sukan permotoran telah diterapkan dengan pengetahuan dan penekanan berhubung aspek keselamatan jalan raya.

Kerajaan akan terus melaksanakan program-program seumpama ini yang merupakan suatu bentuk *public engagement* dengan melibatkan orang awam dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan jalan raya.